

**DEWAN MAJLIS**

Hari Rabu, 25 Syaaban 1445 / 6 Mac 2024

**YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

#### **HADIR BERSAMA:**

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)**

#### **Yang Mulia Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ketujuh, hari ini Rabu, 25 Syaaban 1445 bersamaan 6 Mac 2024, didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' `Asr Hassanil Bolkiah).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
kita bersyukur ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir lagi pada pagi ini dan bersidang hari yang ketujuh dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang kita adakan semalam dan seterusnya pada hari ini, kita masih lagi membincangkan mengenai Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Bagi membolehkan kita untuk meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang tersebut. Saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang di Peringkat Jawatankuasa.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa ini masih lagi membahaskan dan membincangkan Tajuk Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Saya masih lagi mempunyai permohonan daripada 3 orang Ahli

Yang Berhormat setakat ini yang masih ingin untuk turut serta membincangkan dan membahaskan tajuk yang berkenaan ini.

Untuk memulakannya, saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin. Silakan, Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:**

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاخْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas pencerahan dan keterangan Yang Berhormat berkaitan dengan perkembangan dan hala tuju, tumpuan dan keutamaan kementerian di tahun 2024/2025 ini.

Kaola ada beberapa soalan, pandangan yang sebahagiannya berupa susulan dari isu yang kaola pernah bangkitkan di mesyuarat yang lalu. Kaola juga ada beberapa isu, sebahagiannya dari yang ingin disampaikan oleh rakyat melalui kaola.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan kaola:

1. *ASEAN Clean Tourist City Standard Award* Kuala Belait. اَلْحَمْدُ لِلَّهِ. Tahniah atas usaha gigih Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan pencapaian yang luar biasa mempromosi Pekan Kuala Belait yang dikenali dengan julukan *Sleeping Oil Town* (Pekan Minyak Tidur) untuk menjuarai gelaran berprestasi *ASEAN Clean Tourist City Standard Award*. Ini menandakan tonggak penting bermulanya transformasi Kuala Belait dari status sebuah pekan menjadi bandar raya pelancongan.

Sebagai anak tempatan yang lahir dan bermastautin di Kuala Belait, kaola turut teruja dengan perkembangan yang dilaporkan oleh pihak

kementerian yang telah mengkategorikan Kuala Belait untuk memenuhi kriteria yang ketat sebagai sebuah bandar pelancongan *ASEAN*. Ekspektasi (*expectation*) warga Kuala Belait mengikut definisi bandar kota ialah sebuah bandar yang berkembang pesat dan mempunyai prasarana sebuah bandar raya. Status *Tourist City* menandakan Kuala Belait mempunyai pelbagai destinasi pelancongan. *الحمد لله*. Syabas kepada warga kementerian.

Walau bagaimanapun, adalah penting bagi warga kementerian dan agensi-agensi berkepentingan di Kuala Belait untuk mengekalkan martabat dan kegemilangan anugerah ini agar memastikan gelaran Kuala Belait sebagai *ASEAN Clean Tourist City* memberi pelancong yang bersih, berterusan dan benar-benar mengadakan dan menambah baik dan mengadakan banyak lagi daya tarikan dan meningkatkan kemudahan yang ada di bandar baharu ini.

Kaola ingin pencerahan, bolehkah Yang Berhormat menerangkan apa rancangan dan strategi dan dana yang khusus yang telah dirancangan dan disimpan dalam Perbelanjaan Tahun Kewangan 2024/2025 untuk memastikan Pekan Kuala Belait terus memenuhi harapan yang dikaitkan dengan anugerah yang berprestij ini. Warga Kuala Belait berharap penuh dengan penganugerahan berprestij ini. Kementerian akan terus

mengadakan usaha untuk menterjemahkan anugerah ini ke dalam tindakan yang nyata untuk meningkatkan kualiti hidup dan pengalaman pelancongan di Pekan Kuala Belait. Harapan warga Kuala Belait, anugerah ini bukan setakat tinggal kenangan sebagai anugerah impian yang dirayakan pada malam *ASEAN Tourism Award Ceremony*, tetapi ia benar-benar melambangkan realiti agar reputasi negara dan kredibiliti kementerian tidak tergugat kalau anugerah ini hanya ditinggalkan sebagai julukan dan menjadi *national joke*.

Kaola *must admit* anugerah *ASEAN Clean Tourist City Standard Award* ini *less embarrassing* daripada negara mencalonkan dan mendapat anugerah *Best Public Toilet Award*, mengetahui kondisi sebenar kebanyakan *public toilet* di negara 'kitani' tidak sebenarnya.

Harap maklum, *by the way*, orang luar negara yang ramai kelihatan di Kuala Belait membeli-belah dengan keluarga mereka di salah sebuah *supermarket* di kawasan Panaga, Seria itu, bukan *tourist*, tetapi pekerja-pekerja pendatang dalam industri minyak dan juga keluarga *British Armed Forces* (Gurkha) yang tinggal di Seria.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam mukadimah Yang Berhormat tidak menyebut tentang anugerah yang dicapai oleh Kuala Belait. Mungkin terlepas perhatian. Yang ingin kaola

sampaikan ialah segelintir suara rakyat yang berharap kementerian akan mencari produk pelancongan yang bersesuaian untuk dicalonkan untuk menerima anugerah prestasi *ASEAN Tourism Award* yang benar-benar mencerminkan kenyataan dan kalau 'inda ada yang bisai' yang layak dicalonkan, tampilkan dan *showcase* produk yang mencerminkan identiti keunikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang mengekalkan tradisi Melayu bersultan, negara kaya dengan *fauna, flora*, kehijauan dan udara yang bersih dan aman walaupun produk pelancongan itu tidak akan menerima anugerah pada malam *ASEAN Tourism Award*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan:

2. Sasaran pendapatan pengeluaran dari Pelan Strategik Kementerian. Dalam Tahun Kewangan sebelumnya, kementerian telah mengantisipasi pulangan yang besar dari sektor pertanian dan agrimakanan. Pada Tahun Kewangan 2022/2023, hasil yang dijangkakan adalah sebanyak \$924 juta, namun hasil sebenar hanya mencapai 2/3 sasaran dengan jumlah \$627 juta. Begitu juga dalam Tahun Kewangan 2023/2024, hasil dijangkakan ialah sebanyak \$775 juta yang hanya dicapai ialah \$716 juta.

Memandangkan ke hadapan sasaran hasil yang bercita-cita tinggi telah ditetapkan untuk Tahun Kewangan 2024/2025, dan seterusnya dengan

hasil yang dijangkakan sebanyak \$979 juta bagi Tahun 2024, \$1.2 bilion bagi Tahun 2025 dan \$1.3 bilion dalam Tahun 2026. Pertumbuhan 15% ke 20% secara berturut-turut iaitu peningkatan berganda 100% sasaran Kewangan Tahun 2026/2027, \$1.4 bilion dari anggaran Tahun Kewangan 2022/2023 iaitu \$780 juta. *Target* yang memberangsangkan dengan kita memohon dan berdo'a semoga ia akan tercapai.; آمين

Mohon pencerahan, apakah pendekatan baharu yang akan diperkenalkan serta bantuan yang akan dihulurkan kepada perniagaan peniaga, pertanian agrimakanan yang akan memberi jaminan sasaran kementerian yang dijangkakan sebagai realistik akan tercapai walhal anggaran tahun lepas dan tahun ini pun tidak tercapai. Ini satu cabaran kerana semasa lawatan kaola dan sahabat-sahabat ke lokasi pertanian, kebanyakan petani dan usahawan 'kitani' masih menggunakan *basic traditional farming*, bergantung pada tenaga pekerja dan tidak banyak menggunakan *mechanisation* dan *automation* untuk meningkatkan produktiviti dan meringankan kerja *manual*. Walaupun sasaran ini menjanjikan pulangan yang memberangsangkan, namun menimbulkan satu soalan tentang *revenue* (hasil).;

Adakah aliran pendapatan ini dilakukan dengan *financial audit* yang menunjukkan *revenue* yang sebenar

yang dilaporkan oleh peladang atau adakah ia andaian semata-mata berlandaskan pada anggaran hasil *production* dari pengusaha dan ditaksir oleh kementerian tanpa mengira harga dan jumlah jualan pasaran yang sebenarnya? kerana trend ini kritikal kalau ketiadaan laporan hasil pendapatan sebenar dan *public reporting* yang menggunakan anggaran hasil produksi tahunan tidak mencerminkan situasi sebenar tentang cabaran ekonomi dan beban kesuntukan kewangan (*cash flow*) yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kecil dan persendirian. Petani muda 'kitani' kesuntukan *cash flow* bukan sahaja menyekat usaha untuk meningkatkan produksi tetapi juga mencabar *survival* mereka meneruskan perusahaan pertanian mereka.;

Oleh itu, sasaran kaola adalah penting untuk menentukan kebolehpercayaan dan ketepatan jangkaan pendapatan itu terutamanya dalam konteks perancangan kemajuan kewangan pengamal ekonomi dengan melaporkan *revenue* yang sebenar jadi *KPI* dan satu lagi *KPI* perlu dipandang ialah berapa banyak pengusaha ladang yang berkembang.;

3. RKN-12 Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di bawah Kod Akaun 1210 - Untuk Menjana Sekuriti Makanan \$237 juta kini dipohonkan dalam RKN-12 dan \$33 juta dipohonkan untuk perbelanjaan bagi

Tahun Kewangan 2024/2025. Mohon pencerahan di bawah Kod Akaun 1210/003 menunjukkan sejumlah \$18 juta untuk tahun ini dan dalam relatifnya dikira menjana hasil \$300 juta pada tahun 2018 dan \$108 juta dari tahun 2020. Adakah ini *typo or error* atau *target* lama? Kalau *target* lama, adakah *target* ini sudah dicapai dan jika perbelanjaan baharu mohon pencerahan berapa anggaran pengeluaran akan dicapai bagi Tahun Kewangan 2025/2026?;

4. Kod 001/000 hingga 004/000 - Jabatan Perhutanan. Mohon penjelasan tentang hasil jualan industri keluaran *primer* (\$34 juta) dan hasil jualan industri hiliran berasaskan kayu sebanyak \$9.5 juta. Adakah ini *revenue* kerajaan atau termasuk tafsiran daripada pengusaha-pengusaha pembalakan.;

Mohon kalau 'kitani' konsisten dalam melaporkan hasil-hasil pengeluaran dalam agrimakanan, pertanian, perikanan dan perhutanan agar kalau ia anggaran biarlah ada proses *independent* untuk memastikan kesahihan hasil yang dilapor. Di bawah Kod 002-000 - Pengurusan & Pembangunan Sumber dan Industri Hutan sejumlah \$2.5 juta perbelanjaan dan RKN-12, di bawah Kod/Akaun 1207 - Mengukuhkan Kelestarian Alam sekitar \$17 juta dipohonkan.

Yang kaola ingin mohon pencerahan, adakah pendapatan negara dari hasil

penjualan balak, satu-satunya khazanah negara yang semula jadi yang memakan masa untuk tumbuh semula setimpal dengan keuntungan yang diraih oleh pengusaha balak dan yang diberikannya kepada negara dan apakah ia berbaloi dengan kos penanaman semula, penjagaan pokok gantian dan kos membaiki jalan raya yang rosak dari kenderaan berat lori mengangkut balak yang sepenuhnya dibiayai oleh kerajaan. Adakah ada kriteria / *guideline* yang nyata yang perlu dipantau untuk memastikan *the economic value* dari sebatang pokok itu pada tahap maksimum yang tiada *wastage* hingga habuk pokok itu menjadi sumber hasil. Berapa peratus sebatang pokok mendatangkan hasil negara?;

5. Untuk mengukuhkan jaminan sekuriti makanan. Dalam usaha untuk menangani inisiatif sekuriti makanan, 'kitani' fokus usaha pertanian dan agrimakanan dalam negara. Kaola berpendapat untuk mempelbagaikan sekuriti makanan, konsep *self-sufficiency* menanam sendiri itu perlu diganding dengan alternatif strategi dengan mempelbagaikan dan memperbanyakkan sumber bekalan yang selamat (*multiple secure sources of supply of essential food*).

Adakah ada strategi dalam perbelanjaan RKN-12 untuk meneroka, melabur di luar negara dalam pertanian dan agrimakanan untuk meningkatkan dan mempelbagaikan sumber makanan

dengan negara yang ada bertanah subur mempunyai agroindustri yang sudah mantap, pekerja industri pertanian yang sedia ada dan *logistically secure*? Dengan tujuan kesemua hasil dari *investment* dalam agro itu khusus untuk negara. Strategi ini bukan sahaja alternatif sumber yang selamat (*secure supplier food*). *Investment* ini juga boleh 'kitani' gunakan untuk menempatkan pegawai-pegawai pertanian dan petani-petani terpilih untuk menimba ilmu dalam industri pertanian yang sudah mantap itu. Inilah satu pandangan alternatif untuk sekuriti *source of supply*.;

6. Konsep *Rural Community Farming, Family Self Sufficiency*. Orang 'kitani' di kampung dulu-dulu memang berdikari dengan bertanam dan berternak di kawasan rumah, 'memutik' sayur, ulam-ulaman yang cepat berhasil seperti lada, terung, buah-buahan, 'kepayas', pisang dan menternak ayam, itik untuk daging dan telur di keliling kawasan rumah. Apabila 'kitani' berhijrah dari kampung mengikuti skim perpindahan dan masuk kawasan bandar tempat berkebun dan berternak terhad dan tidak bersesuaian menjadikan kesemua keperluan dapur harian seperti sayur, telur, daging, ayam, buah-buahan terpaksa dibeli.

Ada cadangan dari rakyat kalau kementerian dan agensi kerajaan untuk mengambil kira membukakan tanah kerajaan yang kosong *the green*

*belt* yang berdekatan dengan Skim Perumahan Kampung dalam kawasan perumahan negara dibuka untuk dijadikan *community farming area* bersusun, bukan sebanyak 10 hektar sekeluarga tetapi setakat cukup saiz berkebun kecil-kecilan dan hasilnya untuk kegunaan sendiri bagi mengurangkan perbelanjaan harian keluarga. Kerajaan membuka kawasan dan memberi tunjuk ajar dan membantu memulakan minat bertanam kecil, dan mudah-mudahan dari minat bertanam kecil-kecilan timbul minat untuk membesarkan tapak dan bila ada minat ini bolehlah digalakkan pemohon-pemohon untuk mengikuiti tapak-tapak pertanian dalam skim kementerian. Inisiatif ini akan membantu keluarga menurunkan perbelanjaan harian sambil memberi alternatif *form of recreation*.; dan

7. Rakyat juga ingin mengetahui 'tekaduhung' 'kitani' sudah cukup sara hidup *self-sufficiency* dalam pengeluaran daging, ayam dan telur tetapi keluhan rakyat adalah kenapa harga daging, ayam dan telur naik walhal tidak melibatkan kos *import*?

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengingatkan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, ada beberapa soalan dari rakyat yang dikemukakan tahun lepas yang belum dijawab. Sebahagiannya telah pun dijawab kelmarin berikutan dengan beberapa soalan daripada Ahli Yang Berhormat yang lain. Kaola tidak akan

mengulang semula soalan di sini, cukup kaola senaraikan beberapa untuk rekod dan izinkan kaola untuk memberikan alternatif perspektif. Antaranya:

- i. Tema Menjana Ekonomi dari Industri Pelancongan. Mohon dimasukkan tema-tema pelancongan apabila kementerian menggunakan *regional* dan *global social influencer* dalam mereka mempromosi *potential package* pelancongan 'kitani'.;
- ii. Berkolaborasi dengan Kementerian Kesihatan untuk memperkenalkan *medical tourist industry*, mengisi kekosongan atau menaikkan *utilization* pusat *specialist center* tanpa menjejaskan *service* untuk orang tempatan.;
- iii. Berkolaborasi dengan Kementerian Pendidikan, institusi swasta mempromosi Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pembelajaran yang mempamerkan kekuatan institusi kekeluargaan (*family values*) dan *Islamic values* pada *target Middle East, Islamic Nation* dan *family oriented clientele*. Bukan sahaja membuat lawatan sambil belajar tetapi memilih Negara Brunei Darussalam untuk mereka menghantar anak-anak mereka mengikuti persekolahan. 'Kitani' inda perlu 'ingau' kalau 'kitani' kelihatan seperti negara yang konservatif dalam pembangunan tempat hiburan malah 'kitani' sepatutnya bangga dan *embrace it is what it is* dan menjadikan *konservatif* kita sebagai

- satu keunikan. *Our strength* untuk menarik *family based living style*;
- iv. Berkolaborasi dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama *Brunei Olympic Council* dan agensi-agensi sukan dalam negeri untuk mempromosikan negara sebagai destinasi sukan di peringkat antarabangsa dan di peringkat *regional*. Lebih-lebih lagi di peringkat anak-anak sekolah *Youth Sports Development* sebagai satu batu loncatan untuk kita **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** musim hadapan menghoskan *sukan* yang lebih besar. Memperbanyakkan peluang untuk menjadi tuan rumah sukan terbesar seperti sukan antara universiti, *youths sports including football* dan seumpamanya.;
- v. Berkolaborasi dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan seperti yang sudah dinyatakan. Mempromosikan jambatan paling panjang di *Southeast Asia* untuk mengadakan *international marathon* yang sudah dikatakan akan diadakan pada tahun hadapan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dan juga mempromosikan *half triathlon* dengan melibatkan jambatan untuk berenang, berbasikal dan berlari.;
- vi. Mengambil kesempatan mempromosi, membawa keluar *transit passengers* yang menggunakan *Royal Brunei Airlines* dan *Brunei International Airport* untuk destinasi umrah dan *Islamic based tourism* di Negara Brunei Darussalam.;
- vii. Menilai peluang kerjasama dengan *BIMP-EAGA* dan pemindahan ibu kota Indonesia ke Nusantara Kepulauan Borneo, apakah strategi dan inisiatif yang telah dan akan 'kitani' manfaatkan dengan mengambil peluang daripada perkembangan ini?
- viii. Mungkin satu tema produk pelancongan yang belum diteroka ialah *niche tourism* berkolaborasi dengan *Tourism Board* dengan *private individual* yang ada menyimpan koleksi barang-barang unik atau *koleksi* kereta-kereta unik yang dimiliki oleh sebahagian orang-orang kenamaan kita untuk mengadakan *special expo* yang akan menarik *special type of niche tourism*.

Sekian dulu Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sampaikan pandangan dan saranan daripada rakyat untuk kementerian memberikan pencerahan.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin atas soalan dan juga cadangan-cadangan yang telah diajukan. **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

Bagi menjawab...

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa kita cuba seberapa yang boleh untuk menimbulkan perkara-perkara yang mempunyai hubungan rapat dengan bajet yang sedang kita hadapi ketika ini dan sekiranya kita ingin mengajukan pertanyaan-pertanyaan yang 'beranak', yang timbul jadi cucu-cicitnya, ke mana tuju 'kitani' dengan soalan-soalan ini?

Kalau dapat kita tumpukan perhatian 'kitani' kepada *major* isu, isu yang 'kitani' minati ataupun yang dihadapi oleh orang ramai misalannya, sungutan orang ramai macam mana 'kitani' memikirkan *hendak improve the situation*. Tapi kalau 'kitani' hanya menimbulkan soalan-soalan, dan dari sana soalan beranak, bercucu, bercicit ke mana tuju 'kitani' nanti dengan soalan-soalan yang banyak ini?

Akhirnya, barangkali satu ketika nanti kalau sekiranya Yang Berhormat Menteri ini tidak dapat menjawab soalan-soalan ini, ia akan *mendelegate* pegawai-pegawainya untuk menjawab soalan-soalan itu secara bertulis. Kalau itu terjadi, maka mesyuarat yang kita adakan ini untuk membincangkan hal yang lebih penting ini akan pudar keunggulannya. Jadi, saya ingin menarik perhatian kita semua supaya 'kitani' berhati-hati.

Memanglah setiap tahun 'kitani' *expect* untuk menimbulkan banyak soalan, tapi walau bagaimanapun peluang-peluang dibuka kepada Ahli Yang Berhormat

untuk mengadakan temu ramah ataupun ramah mesra dengan kementerian-kementerian yang berkenaan. Jadi, tidak semestinya berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri tetapi juga barangkali seperlunya berjumpa dengan Setiausaha Tetap ataupun pegawai-pegawainya. Sama ada secara perseorangan atau rombongan dengan ikhlas mendapat jawapan dan jawapan-jawapan itu bolehlah disalurkan kepada *constituency* masing-masing yang meminati soalan-soalan seperti itu. Saya minta kalau sekiranya dapat biskita *revise* strategi ini supaya 'kitani' akan menumpukan perhatian kepada *main issues* dan bukan isu-isu yang 'beranak' seperti ini.

Saya akan bertanya lagi ke mana tuju 'kitani' dengan soalan-soalan ini. 'Kitani' sudah mengetahui bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titahnya berkali-kali dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara selama 'kitani' sudah bermesyuarat 20 tahun, sesudah Pindaan Perlembagaan, 'kitani' menubuhkan semula Majlis Mesyuarat Negara ini, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah bahawa 'abiskita' adalah menjadi wadah, menjadi *bridge* antara rakyat dengan kerajaan.

Saya harap ia akan digunakan sebagai *bridge* yang sebenarnya, bukan *bridge* yang mungkin akan meruntuhkan *bridge* yang 'kitani' bina ini. Saya harap kitani mengambil iktibar yang sangat serius

mengenai perkara seperti ini. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Berkenaan soalan-soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

1. Berkenaan *ASEAN Clean Tourist City Award* yang dianugerahkan ke atas Pekan Kuala Belait. Sebenarnya, *I think less embarrassing* itu kurang sesuai digunakan kerana *less embarrassing* ini *we have to acknowledged* bahawa *Municipal Department* Daerah Belait *was working hard*. 'Bisdiorang' memohon untuk dicalonkan.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ setelah *diassess*, 'bisdiorang' berjaya. *I think they have merits* untuk dijadikan *award*. Itu bukannya *diaward* begitu sahaja, tetapi *based on assessment* dan Jawatankuasa Audit untuk menjadikan Kuala Belait sebagai *Clean Tourist City Award*. *I think* sepatutnya dipuji atas kejayaan *Municipal Department* Daerah Belait kerana dengan usaha padu mereka berjaya mencapai *award* tersebut.

*Award* ini sebenarnya adalah *based on* permohonan yang dicalonkan. Jadi, setiap agensi bolehlah mencalonkan dan dihadapkan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk dihakimi dan *it's up to* jawatankuasa. Apakah rancangan untuk mengekalkan *award* ini? Sebenarnya, banyak usaha telah pun dibuat seperti yang telah kaola nyatakan kelmarin untuk memastikan bahawa pakej-pakej yang ada dalam

planning ini lebih menarik. Ini bukan sahaja untuk Daerah Brunei dan Muara atau Daerah Temburong, malah juga kesemua daerah.

Jadi, pakej ini seperti yang telah kaola nyatakan, sebanyak lebih 200 pakej sudah ada dalam aktiviti-aktiviti dalam *inventory* kementerian, boleh diakses secara *online*. Jadi, *these activities* ataupun tempat-tempat yang menarik itu, pihak kementerian dan agensi-agensi yang bertanggungjawab akan bekerjasama untuk mengukuhkan lagi atau meningkatkan daya tarikan di kawasan tersebut.

Itulah usaha-usaha yang dibuat oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk memastikan bahawa tempat-tempat itu lebih menarik dan kandungannya lebih *solid* untuk dijual kepada *tourists*;

2. Sasaran *ambitious*. Apakah strategi yang akan digunakan untuk mencapai sasaran yang telah dinyatakan dalam Peruntukan Tahun Kewangan 2024/2025? Seperti kelmarin, *ambitious target* kementerian ini memang ada inisiatifnya. Kelmarin dinyatakan juga *technology driven*.

Untuk meningkatkan produktiviti-*produktiviti* pertanian dan perikanan, *we cannot rely on traditional farming*. *We cannot rely on traditional fishing*. Jadi, aktiviti ini akan dibuat seperti *vertical farming*. Di bawah RKN pada masa ini ditumpukan penyediaan *basic infrastructure* air dan elektrik.

Dengan adanya *basic infrastructure* ini akan membolehkan peladang-peladang untuk membina *greenhouse* dan *vertical farming*. *Also, allocate* kawasan-kawasan untuk *technology-based* ini.

Di samping itu, menggalakkan orang-orang muda yang mempunyai pemikiran yang dinamik dan inovatif yang boleh menerajui lagi ladang ini. Itulah antara usaha untuk meningkatkan lagi produktiviti dan pengeluaran.

Selain *primary production*, sekarang ini, *secondary production* ada jenis hiliran (*downstream*) yang menjadi satu tonggak untuk meningkatkan keluaran negara. *We realised* bahawa *primary production value is not as* tinggi dengan hiliran ini.

Pada masa ini, seperti yang kaola nyatakan kelmarin, ada 6 ke 7 buah syarikat telah berjaya menembusi pasaran ke luar melalui *downstream*.

Tambahan lagi, kementerian dengan kerjasama bahagian *trade* dan *MFA* telah pun mencari *market access*. *We managed to get access to* Singapura, Sarawak, Sabah, China dan Australia. Dengan adanya peluang-peluang pasaran di sana akan meningkatkan lagi *production* 'kitani' tanpa ada had. 'Kitani' boleh bergantung pada domestik hanya sahaja domestik itu *limited*.

Dengan adanya peluang-peluang *overseas* ini akan membolehkan lagi pengusaha-pengusaha 'kitani' terus berusaha dan berkembang maju. *And we promote export driven*. Itulah

usaha-usaha 'kitani' untuk meningkatkan pengeluaran dan juga hasil daripada pertanian dan perikanan ini.

3. Di bawah Kod/Akaun 1210-003, adakah ia salah *typo*? Setelah kaola merujuk pada buku ini tidak ada *typo*. Sebenarnya, di bawah Kod/Akaun 1210-003 ialah Rancangan Pembangunan Industri Ternakan bagi Menjana Pengeluaran sebanyak \$106.8 juta pada (2015) ke \$300 juta (2020).

Ini sebenarnya RKN-11 yang *dicarryforward*. Jadi, *اللَّحْمَدُ لِلَّهِ* pada masa ini, kita telah mencapai sasaran itu pada tahun 2020, iaitu 'kitani' pada tahun 2021 telah berjaya menghasilkan \$362.52 juta lebih iaitu lebih tinggi daripada sasarannya. Sebenarnya, ada sudah sasaran baharu yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat. Jadi, *target* lama sudah dicapai *اللَّحْمَدُ لِلَّهِ*.

Berkenaan laporan statistik harga, sebenarnya harga yang diperolehi ini bukannya anggaran, bukan *assumption* dan bukan *estimation*, ini ialah hasil daripada *feedback* peladang-peladang. Harganya ialah harga *farm gate*. Ertinya *slightly lower than retail price*. *How reliable it is?* Kalau sekiranya dilihat dari segi peraturan syarikat (*company act*), kalau syarikat itu sudah "Sendirian Berhad", ertinya *they are obliged to have audited financial statement every year*.

Jadi, itulah *information* kalau yang "Sendirian Berhad" itu, *that is the information that we get*. Sudah diaudit. Tidak lagi perlu pihak kaola audit. Lain halnya bagi *sole proprietorship*, itu tidak dapat dielakkan, tidak ada *requirement* untuk mendapatkan laporan kewangan. Itu 'kitani' nilai daripada rekod-rekod 'bisiorang' untuk jualan 'bisiorang', *at farm gate* dan bukannya *retail price*.

4. Mengenai balak. Sebenarnya, kalau dilihat dari segi nilai keluaran *primer* dan hiliran, ia adalah data sebenar dari isi padu keluaran dari syarikat-syarikat. Kebanyakannya, syarikat-syarikat pembalakan yang berstatus Sendirian Berhad sudah *audited*. Setiap balak yang dikeluarkan telah dikenakan bayaran cukai dan setiap hasil hiliran juga diberikan data hasil sebenarnya dan dilaporkan ke Bahagian Hasil di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Sebenarnya 'kitani', *we are not selling log, we are selling downstream* sekarang ini. *اللَّحْمَدُ لِلَّهِ* sekarang ini yang 'kitani' buat tidak mengeluarkan yang *raw* tetapi *we are encouraging downstream* untuk diusahakan bagi *maximize value of our* balak ini.;

5. Mengenai *food security*, berkenaan dengan *multiple sources of food* 'kitani', *اللَّحْمَدُ لِلَّهِ* pada masa ini pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama pihak Kementerian Hal Ehwal Luar

Negeri dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, ada membuat perundingan dengan beberapa negara pada masa ini untuk menerokai alternatif-alternatif untuk mempelbagaikan sumber-sumber makanan asasi 'kitani'. Jika ada perkembangan akan dilaporkan kepada pihak Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin berkenaan perkara itu.;

6. *Family self-sufficiency*, kementerian ini **tidak** menghalang sekiranya *activity farming* dijalankan di kawasan-kawasan perumahan. Ia disambut baik dan pihak kementerian juga boleh memberi khidmat nasihat. Sebenarnya ada pernah juga dibuat dalam 2 ke 3 tahun lepas, *model vertical farming* yang dibuat murah dan boleh diusahakan di *backyard*, tidak memerlukan tanah yang besar untuk bertanam sayur, sawi dan sebagainya.

Memang digalakkan tetapi hendaklah dipastikan dari segi keselamatan, penyakit dan kebersihan mesti diambil kira dalam usaha-usaha pertanian. Di samping itu, hendaklah mematuhi syarat tanah, tetapi memang digalakkan *backyard farming* kepada orang ramai untuk menambah lagi bekalan makanan 'bisioang.';

7. Berkenaan dengan harga-harga daging, ayam dan telur. Sebenarnya, walaupun kita tidak mengimport ayam dan telur, kita

mengharapkan mengeksport telur tetapi 'kitani' punya *reliance* adalah sebanyak 40% terhadap *import*. Masalahnya pada masa ini harganya naik menjadi 60%, 80%, 70% daripada harga ayam yang menyebabkan kenaikan harga. *We encourage more* kepada pengusaha-pengusaha.

Pada masa ini, ada satu pengusaha yang *supplying feed* kepada peladang-peladang tetapi jika ada ramai orang adalah digalakkan. Tetapi *feed* ini kebanyakannya adalah komuniti seperti *soyabean* dan *maize* yang *dependent on the world price* dan sukar untuk *dicontrol* dari segi harganya.;

8. Soalan yang belum dijawab daripada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai beberapa kolaborasi-kolaborasi.

Pada masa ini sememangnya kolaborasi sudah berjalan bersama Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Kesihatan. Perundingan telah dibuat bagi memajukan seperti yang telah dicadangkan pada tahun lepas, antaranya *health tourism* dan *education tourism*. Malah pada masa ini, *JIS* mengadakan *Summer Camp* untuk penuntut-penuntut yang datang ke Negara Brunei Darussalam.

Dalam masa yang sama, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama Kementerian Pendidikan sedang giat membuat perundingan untuk *revitalizing* semula *students'* yang datang ke negara ini, perundingan bersama *tour agents* untuk membawa penuntut-penuntut datang ke Negara Brunei Darussalam. Pihak kementerian akan membawa mereka ke mari untuk berunding dan melihatkan kawasan dan tempat menarik bagi membolehkan lebih banyak penuntut-penuntut datang ke Brunei untuk *holiday* di sini.

Di samping itu, pihak university sedang rancak mengadakan *exchange programme* seperti di Universiti Brunei Darussalam. Pada masa ini, seramai 300 orang *exchange* penuntut ke Negara Brunei Darussalam. Kementerian Kesihatan dan pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan juga telah mengadakan perundingan bersama *private service providers* seperti *Gleneagles JPMC* dan *PJSC* untuk membantu dalam menyediakan pakej-pakej percutian bagi *health tourism* tapi masih di peringkat perlahan dan diharapkan akan berjalan dengan lancar. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

Berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, memang pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan dan kementerian memang sudah lama berkolaborasi dengan Kementerian Kebudayaan,

Belia dan Sukan mengenai tempat-tempat menarik yang kebanyakannya berkaitan dengan muzium, persembahan-persembahan kebudayaan dan untuk menceraikan lagi kebudayaan, *culture tourism*.

إِنَّ شَاءَ اللَّهُ seperti yang kaola nyatakan, jika tidak ada halangan dan melibatkan pelbagai pihak agensi, ia akan dijalankan pada tahun hadapan. Pihak kementerian bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan agensi-agensinya yang lain.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi jawapan kaola berkenaan dengan soalan dan pandangan yang dihadapkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, nampaknya banyak *interest* mengenai pelancongan dan usaha-usaha pelancongan yang perlu dilaksanakan untuk menarik pelancong-pelancong dari luar negara. Saya bukan cuba untuk ikut serta dalam mencadangkan pelancong-pelancong yang akan datang, hanya dalam perbincangan 'kitani' sejak hari semalam tidak ada orang memikirkan pelancong-pelancong *senior citizen* whereas *senior citizen* adalah orang-orang yang mempunyai wang, orang-orang muda ditarik untuk datang ke negara kita tetapi nampaknya kita tidak

berapa *keen* bagi *senior citizen*. Mereka mempunyai wang dan *they can afford to go on first class dan they can stay in suites of our hotel*, barangkali baik juga dilihat cara untuk menarik *senior citizen*.

Sebagai seorang *senior citizen* saya juga mempunyai minat jika ke luar negara, kita tidak lagi berupaya ikut serta dalam aktiviti-aktiviti yang memerlukan banyak tenaga. Tetapi *have you ever heard of the art of doing nothing?* I think Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada dalam beberapa waktu dulu, usaha-usaha untuk mengurangkan *stress*, untuk *the wellness* tubuh badan kitani yang selama ini sudah bekerja begitu banyak. *About time 'kitani' sort of take things easy* and ada timbul *the art of doing nothing*. Silakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi 'tekaduhung' Yang Berhormat Pengerusi *raise* berkenaan dengan orang yang *retirees* dan *senior citizens*, sebenarnya ada satu *proposal* pada masa ini, pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan, ada satu *interest group, very powerful group*, kebanyakannya *retirees* ini daripada *ex-chairman, ex-CEO of multi-national companies* yang 'usulnya' cenderung ke ke Negara Brunei Darussalam.

Pada masa ini 'abiskaol'a ada *negotiation with them. They are very highnet worth people and banyak requirement* termasuk tidak boleh masuk melalui *proper normal way lane*, perlu *VIP lane*,

*and* untuk pengangkutan bas pula jangan ada *traffic jam, all those kinds of thing*.

So supaya *everything* ini *hassle-free*. *Art of doing nothing but at the same time, hassle-free visit*. Kaola masa ini membuat perundingan dengan *organisation* itu untuk membolehkan mereka membawa *high net worth of senior citizens* datang ke Negara Brunei Darussalam. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

**Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى الرَّحِيمِ  
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola merakamkan penghargaan dan tahniah yang setinggi-tingginya atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang sangat jelas tentang tindakan, perancangan dan hala tuju Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pagi kelmarin.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita semua maklum Negara Brunei Darussalam mempunyai hutan yang luas yang sentiasa dijaga kelestariannya dan juga mengeluarkan hasil-hasil kayu yang berkualiti.

Kaola berpendapat bahawa kayu-kayan yang mempunyai keistimewaan dan kualiti yang tinggi ini, kaola rasa sangat menarik jika diperkenalkan khususnya kepada pelancong melalui pembuatan *souvenir* yang mungkin boleh menjadi sumber pendapatan pengusaha-pengusaha buah tangan (*souvenir*).

Berhubung dengan perkara ini, kaola ingin mengetahui apakah langkah-langkah atau tindakan yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam memberi kemudahan kepada para pengusaha buah tangan (*souvenir*) berasaskan kayu khususnya dalam memberikan kebenaran pengambilan kayu-kayan.

Yang Berhormat Pengerusi, di luar kita juga telah banyak membuka tempat-tempat rekreasi dan *hiking* yang juga menjadi kegemaran penduduk Negara Brunei Darussalam. Menurut penilaian kaola, tempat-tempat rekreasi dan *hiking* seperti Taman Rekreasi Tasik Lama, Bukit Saih, Bukit Sipatir, Bukit Menangis, Bukit Dadap, di Daerah Brunei dan Muara, Bukit Patoi Daerah Temburong dan lain-lain.

Ia mempunyai daya tarikan yang tersendiri maka kaola mencadangkan supaya tempat-tempat tersebut diperelokkan lagi trek-trek yang sedia ada untuk menjaga keselamatan pengguna.

Dengan demikian, tempat tersebut boleh diperkenalkan sebagai sebahagian daripada destinasi pelancongan atau tempat mengadakan acara-acara sukan di peringkat antarabangsa seperti *cross-country*, aktiviti tahan lasak dan sebagainya.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat berkenaan dengan dua soalan tadi. Satu adalah berkenaan pengusaha-pengusaha (*souvenirs*) kayu dan kedua adalah membaik pulih trek-trek dan juga pusat-pusat rekreasi.

Soalan pertama itu, sebenarnya pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan memang menyedari bahawa membuat *souvenir* adalah penting untuk menambah nilai lagi hasil kayu. Sebenarnya ada lebih 20 pengusaha plak dijumpai untuk *organised workshop* dan sebanyak dua kumpulan sudah 'abiskaola' *organise workshop* dengan mereka. Ini cara-cara untuk memajukan dan mengembangkannya lagi. Tetapi sayangnya lebih 20 orang ini majoriti pengusaha ini adalah *part-time*, ada yang guru, bekerja dengan kerajaan, jadi mereka melaksanakannya pada setiao malam. Kalau dilihat daripada hasil mereka memang kualitinya bagus dan *equipmentnya very advanced because they are passionate*, ada yang menggunakan *3D printer* dan *laser cutter*.

Usaha Jabatan Perhutanan ialah untuk memastikan mereka dinaikkan taraf, bukan bekerja di *workshop* dan kita mengharapkan mereka ini berpindah ke satu kawasan yang *dedicated* untuk menjadi *full-time* dan menjana

kewangan yang mencukupi dan *sustainable*. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ *we are working with* Bank Usahawan dan pihak *DARe* kalau kaola tidak silap, ada tiga buah syarikat yang sudah bersetuju untuk dipindah dan dikembangmajukan disediakan tempat untuk berniaga.

Dari segi bekalan kayu, memang pihak Jabatan Perhutanan akan membantu mereka untuk mencari sumber kayu mereka. Tapi *it's not a big issue* untuk mereka, kadang-kadang kebanyakan kayu yang mereka gunakan ini *is* kayu-kayu terpakai untuk di *modified*.

Itu memang sudah di bawah *radar* Jabatan Perhutanan untuk memastikan orang-orang yang membuat *souvenir* ini *especially* untuk *tourist*, orang dalam negeri juga suka. *Everytime* kalau ada expo diadakan, 'bisdia' tidak dihargai. Itu sangat mendukacitakan dan itulah usaha 'kitani' untuk *update* 'bidiorang' dengan kerjasama pihak *DARe* dan pihak Bank Usahawan.

Berkenaan dengan kawasan-kawasan rekreasi seperti Bukit Saih, Taman Rekreasi Tasik Lama, *I think* sebenarnya bergantung pada siapa *owner* taman rekreasi. Kalau Jabatan Perhutanan seperti di Bukit Patoi, Daerah Temburong dan di Luagan Lalak, Daerah Belait memang akan di *upgrade*. Manakala kawasan-kawasan yang lain *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan akan bekerjasama dengan pihak Kementerian Pembangunan dan juga pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk sama-sama memajukan

dan mengupgrade kawasan-kawasan rekreasi yang menarik ini إِنْ شَاءَ اللَّهُ.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ. رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاخْلُلْ  
عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan mukadimah yang begitu jelas dalam menyediakan belanjawan serta hala tuju Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Soalan pertama kaola Yang Berhormat Pengerusi berkenaan dengan Jabatan Perikanan.

اللَّهُ Negara Brunei Darussalam dianugerahkan dengan lautan yang mengandungi khazanah yang tidak ternilai. Bayangkan kalau negara 'kitani' sekiranya negara terkurung daratan (*land locked country*).

Di dalam Tambahan 2A edisi semakan Tahun 2018, memperuntukkan pengisytiharan Zon Eksklusif Ekonomi (EEZ), kawasan negara adalah

melangkau sepanjang 200 batu nautika dari pesisir pantai negara iaitu berkeluasan 38,600 km per segi iaitu lebih kurang 7 kali ganda besar dari saiz bumi tanah negara yang bertuah ini. Saiz 'kitani' hanya 5,765 km per segi. 200 batu nautika ialah mengikut keadaan tanah, bukan ia secara datar kerana di lautan ada yang tinggi, ada yang bukit, ada yang curam dan sebagainya seperti bumi yang di daratan.

Kawasan luar pantai ini yang mempunyai khazanah lautan yang terdapat peluang-peluang bagi ternakan ikan luar pantai yang lebih besar skalanya dari ternakan di kawasan sungai-sungai atau sempadan maritim termasuk Teluk Brunei iaitu hanya 3 batu nautika.

Soalan kaola, sudahkah Jabatan Perikanan mempunyai kawasan-kawasan ternakan ikan yang sudah digazet di kawasan zon tersebut? Adakah sudah syarikat-syarikat yang beroperasi di kawasan berkenaan? Apakah langkah-langkah kalau ada? Minta maaf Yang Berhormat Pengerusi, soalan ini ada 'beranak' sedikit. Keselamatan yang sudah difikirkan bagi memastikan operasi syarikat-syarikat di luar kawasan-kawasan itu terjamin keselamatannya seperti diceroboh oleh anasir luar. Sekiranya sangkar-sangkar tersebut berada 100 batu nautika dari pesisiran pantai dan ada kecurian atau rompakan di laut, di manakah pekerja-pekerja akan meminta bantuan?

Kedua. Izinkan kaola Yang Berhormat Pengerusi menyentuh mengenai Jabatan Kemajuan Pelancongan. Kaola bersetuju dan sebenarnya kaola akan menjangkau mengenai pelancong-pelancong berwarga emas. Kaola ingin mencadangkan mengenai pelancongan ini, ada sudah tahun lepas dibangkitkan di Majlis Mesyuarat Negara kerana ia adalah subsektor yang mampu menjana perekonomian negara.

اللَّهُمَّ بعد COVID-19 jumlah pelancong negara ini telah pun meningkat walaupun pada pendapat kaola ini adalah lumayan juga bagi kaola tapi اللَّهُمَّ. Usaha yang berterusan yang telah 'diungkayahkan' mestilah dirancang dan dilaksanakan bagaimanakah 'kitani' boleh memantapkan lagi tarikan-tarikan yang ada. Dengan peruntukan yang lebih kurang \$3 juta bagi sektor Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 ini, akan menjadi perancangan dan pelaksanaan yang akan sangat-sangat mencabar.

Walau bagaimanapun, 'kitani' mestilah memikirkan untuk menarik pelabur asing, mestilah dipelawa mereka ke negara ini dengan beberapa buah negara dengan berbilang bangsa. Contohnya, untuk memajukan dan membangun dan pulau-pulau dan tempat-tempat lain yang ada di negara ini dengan kemajuan atau pembangunan yang unik.

Apa yang kaola maksudkan dengan unik itu ialah sebagai contoh dan idea yang mungkin dapat diterima pakai ialah

adanya pembangunan *resort* yang dan bercampur, *resort and mixed development* dan yang unik bertemakan satu-satu negara yang khusus. Sebagai contoh, 'kitani' ambil Persatuan Jerman kerana dari *Legislative Council* Republik Persatuan Jerman German baru-baru ini datang.

Pulau Berembang, Daerah Brunei dan Muara dimajukan oleh pelabur dari negara Republik Persatuan Jerman. Apabila pelancong berkunjung dan menginap di tempat itu, ia mempunyai ciri-ciri dan kehidupan seperti di Republik Persatuan Jerman, bayangkan kalau adanya *experience German, tranquility and hospitality in* Pulau Berembang, Brunei Darussalam. Atau pun *experience French tranquility and hospitality* di Pulau Salawat, Brunei Darussalam ataupun *Dutch* di Pantai Muara dan banyak lagi yang dapat difikirkan unik sebagai tarikan bukan sahaja pelancong dari Eropah dan luar negara secara automatik kepada penduduk tempatan 'kitani' terutama yang warga emas.

Kenapa kaola kategorikan idea ini unik ialah ia tidak terdapat di negara jiran 'kitani'. Satu lagi aspek mengenai pelabur tersebut contohnya daripada Republik Persatuan Jerman, telah melaburkan jumlah yang agak besar seperti sebantak \$50 ke \$100 juta untuk membangun *resort* atau dan *mixed development* atau pun *resort* sahaja. Maka secara automatiknya, pelabur tersebut tidak akan berdiam diri, mereka akan bekerja keras untuk mengembalikan *ROI (Return of*

*Investment*) dan secara automatik akan menarik pelancong dari negara mereka sendiri.

Ini adalah pengalaman kaola semasa kaola di luar negara seperti di Thailand, Hua Hin, Pattaya. Di sana ada berbilang negara, tetapi kita perlu mengawalinya. Jangan sampai budaya mereka masuk, jangan sampai *October Fest* mereka buat di sini, itu mestilah 'kitani' kawal.

Yang kedua, Yang Berhormat Pengerusi, tidak banyak lagi yang perlu kita lakukan mengenai pelancongan. Tidak payah 'kitani' memperlihatkan bangunan-bangunan tinggi yang megah, cukup dengan hutan, pantai, dan sungai yang tidak tercemar.

Sebagai contoh, kaola pernah membawa teman-teman dari luar Eropah dan berjalan *بَارِعًا* barulah *first time* sebenarnya, turun di Jeti Kampong Air dan sampai ke Sungai Damuan. Mereka sangat kagum dengan Istana Nurul Iman, mereka berkata 'Sultan Brunei sangat bijak'. Kaola bertanya kenapa? Cuba tengok istana yang megah tetapi tidak ada pencemaran'. Ketika sampai di dalam perahu di'jangkau'nya air itu, kaola takut ia kena 'tunggap' buaya. Di'jangkau'nya *fresh*. Inilah yang membanggakan mereka. Kalau hendak menarik mereka datang ke Negara Brunei Darussalam untuk *shopping*, mereka ada banyak *shopping* kompleks di sana. Mereka dating ke negara kitani untuk berehat, berjemur, biasa bagi orang putih.

Kalau kita analisis, kita ambil 1% daripada penduduk dunia, 1% sahaja, jangantah 10%, daripada 7.88 billion yang telah dicatatkan pada 2021, dibahagi dalam jangka masa 5 tahun, 1% ini kita akan dapat seramai 15,000,600 pelancong, *target* mesti tinggi. Setiap bulan, dalam 5 tahun itu, seramai 1,000,300 pelancong. Kalau setiap sebulan, seramai 6,000,500, kalau sehari seramai 42,739. Minta maaf, kalau 5 tahun, seramai 15,000,600 pelancong 1%, kalau setiap bulan kita akan dapat seramai 6,000,500 dan kalau sehari seramai 42,739 pelancong.

Yang ketiga, Jabatan Perhutanan. Izinkan kaola sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi untuk membangkitkan mengenai gaharu. Kaola ada soalan, isu yang ingin kaola bangkitkan adalah gaharu ini semakin pupus. Kaola ingin membetulkan sedikit bahawa isu pokok gaharu yang dicuri adalah perkara yang sudah lama berlaku. Pokok gaharu satu khazanah negara yang perlu dijaga dan dipelihara sebab nilainya sangat tinggi dan mampu menjana pendapatan hasil dan ekonomi negara.

Soalan kaola, apakah jenis *inoculant* yang diguna pakai oleh pengusaha yang dibenarkan? *Inoculant* ini adalah satu alat injeksi untuk mencederakan pokok tersebut. Pokok ini sangat ganjil kerana semakin ia cedera, semakin ia bagus dan semakin ia mengeluarkan bau harum tetapi kalau secara alami, ia akan menunggu 'temparik', kalau 'temparik' menuju pokok itu, barulah ia cedera. Sekarang dengan cara moden *inoculant*.

Tapi *inoculant* ini ada yang kimia dan ada yang dibenarkan. Masalah *inoculant* kimia ini, ia akan mengakibatkan tanah dan persekitarannya rosak. Itulah soalan saya, apakah jenis *inoculant* yang digunakan?

Yang kedua, apakah tindakan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana gaharu ini semakin pupus, kalau tidak di'kelinga' sekarang, ia pasti akan pupus kerana orang yang mengambil gaharu ini, dari negara jiran yang memang pakar dan tidak kisah tinggal di hutan.

Pengalaman semasa membuat tinjauan, lebih 10 tahun yang lalu, semasa kaola masih bekerja membuat pendakwaan kerana mencuri gaharu, kaola terbang menggunakan helikopter ke tempat yang berkenaan. Memang cerita daripada Polis Hutan atau Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, mereka tinggal di hutan, memang *expert* dan susah untuk dikawal.

Seterusnya, Yang Berhormat Pengerusi mengenai Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Sukacita kaola merujuk di bawah Kod Akaun 1210-003 - Rancangan Pembangunan Industri Ternakan bagi Menjana Pengeluaran \$106.8 Juta (2015) ke \$300 juta (2020). Harga Rancangan RKN-12 berjumlah \$18,095,783.00 dan secara menyeluruh merangkum infrastruktur pertanian dan padi ialah sejumlah \$237 juta. اللَّهُمَّ ، jumlah ini akan dapat memberi ruang yang lebih luas bagi

memperkembangkan sektor ini demi menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi negara.

Yang Berhormat Pengerusi, perkara yang seterusnya ini ialah berkenaan *food security*. Tetapi kaola akan memandang daripada sudut yang lain.

Isu pertama dalam *food security* ini ialah apa yang kaola panggil *paddy security*. Pada masa ini, tahap pengeluaran padi negara ialah sebanyak 8% dan ini jauh tidak mencukupi untuk sara diri negara. Sudah 40 tahun 'kitani' merdeka, sudah bermacam-macam jenis padi ditanam di negara ini dengan banyak percubaan demi percubaan, penyelidikan demi penyelidikan dibuat seperti beras "Laila", yang sudah lama tidak kedengaran khabar beritanya sehingga kini. Padi "Sambada 188", "BDR5", "MR076", "Pusu", "Bario" dan "Adan" yang pada masa ini sudah ditanam dan yang masih dalam penyelidikan ialah "AWD101" hingga "103" dan "Yuan1601" yang ditanam di kawasan *non-irrigated field*.

Soalan kaola, setelah lebih satu dekad membuat percubaan demi percubaan, apakah jenis padi yang akan 'kitani' tetapkan iaitu menepati cita rasa rakyat, yang akan 'kitani' fokuskan sebagai jenis padi negara untuk pengeluaran berskala besar dengan baka padi sendiri yang berskala besar yang tidak perlu diimport bakanya dari luar negara? Inilah pengertian *food security* bagi kaola. Kaola percaya dengan adanya hasil baka sendiri dihasilkan di negara ini dan penanamannya di bumi tanah 'kitani' sendiri. Dengan penetapan padi negara

dikeluarkan dengan berskala besar, 'kitani' akan mampu mencapai *self-sufficiency* negara. Inilah yang kaola maksudkan dengan *paddy security*.

Kita melihat juga bumi Negara Brunei Darussalam sangat subur walaupun di atas bangunan-bangunan sampai ada rumput yang tumbuh di atasnya. Ini mencabar kita sebenarnya.

Perkara kedua ialah mengenai *meat security* khusus daging binatang berkaki 4 iaitu kerbau, lembu atau kambing. Perkara ini sudah abiskaola bangkitkan pada sesi Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2023 dengan panjang lebar mengenai baka dengan cadangan bagaimana 'kitani' boleh *self-sufficiency* melalui penghasilan baka lembu dan kerbau 'kitani' sendiri yang pada awalnya sahaja mendatangkan baka yang berkualiti dari luar negara. Memang tidak dapat dinafikan, isu ini adalah tunggu atas tunggu. Sebenarnya, kaola menunggu MPRT, MPRT sepatutnya pun menunggu kaola juga, jadi ada salah faham dalam setahun ini. Maka, hala tuju 'kitani' yang menuju ke arah *dependant on* daging mentah import dari negara sahaja pada masa ini untuk memastikan rakyat dan penduduk negara ini cukup dengan *supply* daging import untuk sumber makanan.

Sebenarnya kaola amat risau sebab ia bukanlah salah hala tuju yang mendukung kepada *food security* negara, malah ia bagi kaola ke arah *feeding security* sahaja. Strategi ini tidak akan bertahan lama atau mampan

(*sustainable*), apatah lagi 'kitani' sudah merasakan cabaran-cabaran dan kesusahannya semasa kitani dilanda pandemik *COVID-19* bagaimana kita pada masa itu merasa panik.

Jadi, apa yang kaola tekankan lagi "sediakan payung sebelum hujan", sebelum pandemik atau isu besar lain bakal melanda 'kitani' lagi umpama kereta yang sudah "marak", ada sudah syaratnya, dijalankan juga kereta itu, tidak bersedia, bermakna akan mendapat kecelakaan. Jadi, bersedialah 'kitani' secepat-cepatnya bukan lagi berjalan tapi 'belusir' dan kurangkan atau hentikan kebergantungan 'kitani' pada daging import luar negara.

Kaola juga sangat terkilan kerana rumput yang akan ditanam memerlukan berpuluh-puluh ribu ekar. Kaola baru pulang dari negara yang besar penduduknya di Asia, yang berjaya memelihara lembu. Kaola ada membuat lawatan dan perbincangan bersama mereka kerana apa yang kaola telah lihat di sini ialah setiap 1,000 ekor lembu hanya memerlukan antara 45 ke 90 ekar.

Tidak mengapa, 'kitani' buat sebanyak 100 ekar sahaja kalau 1,000 ekor lembu. Ini yang *feedlot* yang diberi makan. Jadi, kalau sebanyak 5,000 ekor lembu, baru 500 ekar. Kaola telah bertanyakan kepada pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga bahawa 'kitani' masih ada lebih 9,000 ekar tanah untuk diusahakan dan sejumlah 3,727 ekar sudah ditawarkan, bakinya ialah sejumlah 3,206.49 ekar termasuk stesen-

stesen pertanian, kawasan paya, mudah banjir dan tanah gambut.

Jadi, kawasan ini sebenarnya daripada tidak digunakan, kaola percaya sebenarnya boleh untuk memelihara lembu dan kerbau di Negara Brunei Darussalam.

Perkara seterusnya ialah *egg security*. Kaola sentuh mengenai kenaikan kadar eksport telur iaitu dari sejumlah 300 ribu biji pada Februari 2023 kepada sebanyak 6 juta biji pada Februari 2024. Ini adalah satu perkara yang baik bagi ekonomi negara dan nampak baik bagi sesetengah pihak sahaja.

Tahniah kerana telah berjaya untuk mengeksport. Tetapi, ada juga yang menjadi kemusykilan dan pertanyaan kepada kaola dan juga rakyat terutama yang menggunakan telur untuk kegunaan seharian serta untuk sumber makanan.

Dalam keghairahan 'kitani' ini, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan perlu melihat dulu isu-isu harga telur dalam negara yang naik harganya dan masih mahal harganya setakat ini, sebagai contoh yang sahih, telur bersaiz 'B' yang dulunya berharga dalam lingkungan \$4.00 melonjak kepada purata \$.6.00 harga *retail* bagi 1 *tray* pada masa ini.

Kenapakah semasa 'kitani' mengeksport telur tersebut 'kitani' kekurangan telur yang melonjakkan harga *retail* telur dalam negara dan kadang-kadang

telur tidak mencukupi untuk kegunaan domestik. Istilahnya, kenapa anak orang lain 'kitani' bagi makan dan kenapa tidak 'kitani' utamakan anak sendiri lebih dahulu.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

### **Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan-soalan yang diajukan. Berkenaan beberapa soalan yang diajukan tadi:-

Berkenaan perikanan yang berkaitan dengan *offshore*. Pada masa ini sebenarnya sudah ada kawasan sebanyak 17,722 ekar disediakan di *offshore* iaitu *Victoria* sebanyak 4700 ekar, *Nankivell* sebanyak 6613 ekar, *Littledale* sebanyak 4264 ekar, Pelong 'A' sebanyak 2000 ekar dan Pelong 'B' sebanyak 120 ekar.

Kawasan-kawasan untuk diusahakan bagi *offshore aquaculture*. Setakat ini ada 2 buah syarikat terlibat dalam *offshore* ini iaitu *Hiseaton Fisheries (B) Sdn Bhd.* dan *Syarikat Barramundi Asia (B) Sdn Bhd.* Kedua-duanya syarikat *FDI* yang mereka telah mengusahakan di kawasan *Pelong Rock* pada masa ini.

بِاللَّهِ الْكَرِيمِ kawasan-kawasan ini akan *dipromote* lebih aktif lagi bagi membolehkan lebih banyak *FDI* datang ke Negara Brunei Darussalam untuk mengusahakan kawasan-kawasan tersebut.

Berkenaan sekuriti, memang satu *important factor* di sana untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan ini bebas daripada ancaman-ancaman yang melibatkan *security* bagi membolehkan jaminan *security*, rondaan bersepadu telah dibuat bersama agensi-agensi lain seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan Buruh. Di samping itu juga, di kawasan-kawasan ini telah didirikan papan tanda dan dipasang lampu-lampu isyarat bertujuan melarang orang ramai mendekati kawasan ternakan ikan tersebut.

Berkenaan dengan pelancongan, iaitu soalan kedua ialah berkenaan dengan *FDI* bagi pelancongan, memang diakui kawasan-kawasan 'kitani' banyak yang unik. Jadi **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** perundingan telah dibuat seperti yang telah kaola nyatakan kelmarin, kerjasama bersama pihak *BEDB* untuk membuat satu pakej, sememangnya satu-satu pakej sudah dicuba tetapi tidak ada tarikan dan tidak ada yang berminat. Usaha kementerian ialah untuk mempakej dengan beberapa buah kawasan untuk ditawarkan kepada syarikat-syarikat *FDI* atau *PPP* bagi membolehkan mereka mengusahakan kawasan-kawasan seperti Pulau Selirong dan juga pulau-pulau yang lain. Sudah dibuat pada masa ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dipromosikan dengan pihak *BEDB* bagi membolehkan pihak *FDI* untuk membuat pelaburan.

Dari segi pokok gaharu ini, sebenarnya belum ada *inoculant* sendiri dipakai, tapi pada masa ini kajian dan penyelidikan telah dibuat bagi kegunaan *inoculant* oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan dengan kolaborasi bersama pihak Universiti Brunei Darussalam mengenai *inoculant* pokok gaharu dengan menggunakan *fungus inoculant*.

Pada masa ini ia masih di peringkat awal, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** apa yang telah diselidiki dan digunakan akan dikongsikan kepada *stakeholder* yang berminat berkenaan dengan pokok gaharu ini.

Berkenaan dengan pertanian, *paddy security* ini dan jenis-jenis padi yang akan dibincangkan ini kelmarin sudah kaola panjang lebar menerangkannya berkenaan dengan strategi padi ini. Oleh itu tidak 'payah' kaola terangkan apa lagi inisiatif padi yang akan digunakan oleh kegunaan peladang-peladang. Kaola kira cukup sahaja kaola menerangkan mengenai *paddy security*. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** berkenaan dengan *meat security* sudah dibincangkan dengan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin sendiri selepas Persidangan Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas. Sebenarnya, pihak kaola sudah membuat kajian dengan menggunakan sebanyak 40,000 kawasan untuk rumput sahaja. Sekiranya jika ada alternatif lain, sebenarnya baru-baru ini kaola ada berunding dengan pihak negara jiran. Mereka juga mengalami isu yang sama, kalau ada *alternative, we will come*, Yang

Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin untuk datang dan menerangkan kepada kami, apa *methodology* yang harus dipakai oleh pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan tidak terfikir macam mana untuk membolehkan *self-sufficiency* bagi *meat* ini.

Kaola rasa memang sudah dirunding, tapi 'tunggu-menunggu' tidak *productive*. *We have done study, it is not economical to do it in Brunei*, jika ada *alternative* yang bagus, kami harap akan dapat dikongsikan idea tersebut kepada pihak kaola, dan memang akan disambut dengan baik.

Berkenaan dengan keperluan telur, sebenarnya bukannya ibarat "anak kera di hutan disusui, anak sendiri di rumah kebuluran", sebenarnya kementerian telah meneliti setiap bulan keperluan telur ini, kalau kurang keperluan telur, diberhentikan *import* dan *exportnya*. Itulah kerja kami di sini bukannya diekspor secara "membabi buta" ke luar negara.

Memang diteliti dan dijangka setiap 3 bulan mesti *direview* dan *dianalise* adakah mencukupi atau tidak, kalau tidak mencukupi memang dihentikan *export*, bukan di *export every month, every week* dan itu memang dikawal.

Di samping itu juga, pernah sekali pada bulan November negara jiran mengalami kekurangan telur. Jadi kerana kekurangan telur itu, banyak telur-telur kitani diseludup ke negeri jiran. Usaha

pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ialah memberhentikan eksport ke Singapura, untuk *divert* keperluan yang mendadak ini, itulah bagusnya sekarang ini *our production is exceeding our self-sufficiency*, jika ada kekurangan di *divert*, ertinya tidak payah mengimport.

Seperti dahulu semasa musim raya dimulakan lagi mengimport telur, 'riuh' lagi pengusaha telur. Sekarang tidak 'payah' lagi, sebab telur lebih dari mencukupi jadi semasa kekurangan telur-telur itu, diberhentikan *export* dan dimasukkan dalam *import*. Itu memang perjanjian pihak kaola dengan pengusaha telur ini. Bukannya 'kitani' memikirkan *food security* di Negara Brunei Darussalam, di Malaysia juga jika sekiranya kekurangan telur akan diberhentikan *export*. *That is how we practice* di sini bukannya "anak kera di hutan disusui, anak sendiri di rumah kebuluran". Supaya lebih faham dasar dan *priority* 'kitani' untuk mencukupkan dahulu negara 'kitani', jika *supply exceed* barulah di *export*.

Itulah sahaja Yang Berhormat Pengerusi ulasan kaola supaya jangan ada ketidakfahaman dan salah faham dengan *export* makanan 'kitani'. Prioriti 'kitani' ialah *food security* Negara Brunei Darussalam.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ dengan *assurance* daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kita dapat tahu bahawa kita akan mempunyai telur yang mencukupi bagi menempuhi bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira kita sudah cukup banyak merundingkan mengenai Belanjawan Kementerian Sumber Sumber Utama dan Pelancongan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta juga telah memberikan soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang berkenaan, saya berpandangan ada baiknya tajuk ini sekarang kita undi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju bagi Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Terima kasih, nampaknya semua ahli bersetuju. Maka tajuk-tajuk berkenaan ini diluluskan.

**Yang Mulia Jurutulis:** Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ada baiknya mesyuarat kita ini kita tangguhkan dulu selama 15 minit bagi membolehkan kita berehat sebentar dan kita akan menyambungnyanya lagi semula kemudian nanti.

**(Mesyuarat Jawatankuasa Berehat sebentar  
(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang semula bagi meneliti dan menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Mesyuarat Jawatankuasa sebentar tadi telah pun membahaskan dan membincangkan dan seterusnya meluluskan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Sekarang kita akan beralih kepada tajuk-tajuk seterusnya.

**Yang Mulia Jurutulis:** Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita telah pun beralih kepada tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Maka seperti lazimnya sebelum saya membukakan jadual ini untuk dibahaskan dan dibincangkan, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk membentangkan mukadimahnyanya mengenai dasar dan hala tuju kementeriannya serta penjelasan dan

kenyataan mengenai penyediaan Belanjawan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ  
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi untuk kaola membentangkan anggaran Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama pada saat ini.

Kaola bersyukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana diberi kesempatan atas limpah rahmat-Nya menyertai rakan-rakan sejawatan dan juga sahabat-sahabat permesyuaratan untuk membentangkan anggaran yang telah disokong bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025.

Sebagai salah sebuah jentera pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagaimana juga kementerian-kementerian lain, Kementerian Hal Ehwal Ugama ialah untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan menurut bidangnya iaitu bidang ugama dan kementerian-

kementerian lain menurut bidang masing-masing.

Dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, kementerian menjalankannya dengan visi 'Bersama ke arah kehidupan cemerlang duniawi dan ukhrawi' dan dengan misi 'Memperkasa penghayatan beragama dan memantapkan kerasmianya berpandukan hukum syarak, semangat perlembagaan dan kedaulatan undang-undang negara serta juga semangat falsafah Melayu Islam Beraja'.

Dalam hal ini, dengan tiga fokus strategik utama yang mendukung Wawasan Brunei 2035 iaitu:-

1. Pendidikan Ugama Berkesan (Peneraju bersama Pendidikan);
2. Dakwah Mantap Berkesan (Peneraju keagamaan); dan
3. Jaminan Kesejahteraan Dan Keselamatan Sosial (Peneraju Bersama Jaminan Sosial).

Fokus strategik utama ini adalah sejajar dengan tema serta Fokus Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 iaitu 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' atau '*Building A Prosperous Future Together*' iaitu tema yang dikekalkan daripada tahun-tahun sebelumnya.

Mengambilkira tema dan fokus Belanjawan Negara dikekalkan sedemikian itu, dalam usaha meningkatkan tahap kualiti

perkhidmatan yang diberikan, maka kementerian dengan misi dan visinya serta fokusnya itu adalah mendukung keutamaan-keutamaan bagi Tahun Kewangan 2024/2025, maka strategi Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah memberi penekanan dan keutamaan mengikut sektor-sektor iaitu:-

- 1) Pendidikan - Memperuntukkan sebahagian besar daripada belanjawan yang disokong kerana bidang pendidikan sebagaimana diketahui adalah bidang yang merupakan perkhidmatan yang terbesar bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama. Ia adalah tugas utama dalam perkhidmatan Kementerian Hal Ehwal Ugama;
- 2) Dakwah - Meningkatkan penyampaian dakwah mantap dengan lebih efektif dan berkesan secara berterusan, mengguna pakai teknologi serta media sosial untuk menembusi lapisan masyarakat yang cenderung berinteraksi dengan *platform* tersebut iaitu meningkatkan lagi jalinan kerja dengan *strategic partner* dakwah untuk mengembangluaskan lagi kerja-kerja dakwah yang sedia ada;
- 3) Zakat - Kaola sukacita menyebutkan bahawa dengan tertubuhnya Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal semenjak lebih kurang 8 – 9 bulan yang lalu, kutipan dan agihan zakat harta dan zakat fitrah akan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan tepat pada masanya. Iaitu
- mengurangkan beban kepada golongan yang memerlukan dan secara langsung akan sedikit sebanyak turut juga menyumbang kepada meringankan tekanan fiskal kerajaan, kerana pendapatan dari zakat adalah sumbangan dari Majlis Ugama Islam Brunei, bukan daripada hasil negara atau kutipan tertentu yang dimasukkan dalam *treasury*;
- 4) Pemeliharaan prasarana - meneruskan kerja-kerja pemeliharaan prasarana Kementerian Hal Ehwal Ugama secara *term contract* yang menghala kepada kaedah *facility management* di masa terdekat, supaya prasarana-prasarana yang ada adalah akan sentiasa dalam keadaan yang terpelihara dan mengelakkan daripada kerosakan yang lebih besar yang akan mengakibatkan perbelanjaan tinggi;
- 5) Penambahbaikan penstrukturan - ini adalah merupakan usaha dalaman kementerian yang berterusan bagi kelicinan pentadbiran dari masa ke semasa iaitu supaya perkhidmatan adalah relevan untuk memberikan perkhidmatan ugama kepada penduduk Negara Brunei Darussalam tercapai sepertimana yang dihasratkan selaras dengan pelaksanaan dasar-dasar dan strategi Hal Ehwal Ugama;
- 6) Pelaksanaan Undang-Undang Syariah Ia termasuk di dalam keutamaan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam makna usaha meningkatkan tahap

kecekapan dan profesionalisme pegawai-pegawainya, di samping menyokong usaha-usaha di peringkat akademik melahirkan pengamal undang-undang, iaitu orang-orang dalam jurusan undang-undang syariah akan menjadi pengamal undang-undang di bidang tersebut; dan

- 7) Peningkatan Aktiviti Persijilan Halal - Barangkali Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini masih ingat perkara ini merupakan suatu rancangan yang sudah dicanangkan di dalam Dewan yang mulia ini berkali-kali untuk mengadakan satu *platform* bagi sijil halal dan sebagainya secara *online*. Untuk Persidangan hari ini, kaola sukacita menyatakan bahawa pelaksanaan *platform* sedemikian itu yang diperuntukkan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan sejumlah \$1 juta adalah dipindahkan ke dalam satu *platform* yang bersepadu di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Jadi, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* mudah-mudahan pelaksanaannya akan lebih berkesan, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*. Selain itu, peningkatan aktiviti pensijilan halal itu ialah dengan mengambil kira potensinya untuk diiktiraf dan dikreditasi oleh negara-negara lain.

Yang Berhormat Pengerusi, oleh yang demikian sokongan belanjawan yang diberikan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah seperti berikut:

Yang dahulu disebut pembayaran Gaji Kakitangan disokong sebanyak \$234,925,960.00, Perbelanjaan Berulang-Ulang sebanyak \$34,156,000, jadi jumlah Perbelanjaan Biasa adalah sebanyak \$269,081,960, ditambah dengan Perbelanjaan Kemajuan yang disokong sebanyak \$16,817,396 menjadikan jumlah besarnya ialah \$285,899,356.

Berdasarkan pecahan peruntukan yang diberikan ini, pecahannya adalah meluluskan beberapa program perbelanjaan yang telah diselaraskan dengan Maqasid Syariah yang 5 itu dan menjadikan sektor-sektor dalam perbelanjaan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Katahal dalam promosi harta iaitu Pemeliharaan Harta, jumlah yang diperuntukkan \$25.5 juta dari peruntukan yang disebutkan tadi.;

Promosi atau Pemeliharaan Ugama sebanyak \$29.4 juta.

Seterusnya bagi promosi ataupun pemeliharaan dari segi, kaola lupa Yang Berhormat Pengerusi, ada kekeliruan dalam muka surat. Ini di sana juga adalah jelas bahawa Pemeliharaan Promosi Nyawa dan Keturunan ataupun dinamakan pemeliharaan zuriat adalah diperuntukkan sebanyak \$11 juta.; dan

Pemeliharaan (promosi) Aqal ataupun *intellectual* dalam terjemahannya disebut sedemikian juga adalah yang terbesar sebanyak \$202.9 juta merupakan kalau

pecahan peratusnya 75.4% daripada keseluruhan belanjawan.

Itu yang sektor-sektornya di mana perbelanjaan itu akan ditumpukan kepada sektor-sektor tersebut yang meliputi Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam hal:

1. Promosi Harta ialah bersama dengan Jabatan Urusan Haji, Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal, dan Majlis Ugama Islam.;
2. Promosi Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah beserta dengan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pusat Da'wah Islamiah, Bahagian Syiar Ugama Islam.;
3. Promosi nyawa dan Keturunan, Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah bersama dengan Jabatan Hal Ehwal Syariah (Khidmat Nasihat Keluarga, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Permakanan dan Baran Halal) Jabatan Perundangan Islam.
4. Pemeliharaan (Promosi) Aqal, *intellectual* (akal) dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama dengan Jabatan Pengajian Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Kemudian dalam RKN, kaola sukacita menyatakan Perbelanjaan Kemajuan adalah sejumlah \$16.8 juta diperuntukkan bagi Tahun Kewangan

2024/2025 dengan Harga Rancangan \$191.3 juta bagi beberapa projek utama Mengukuhkan Kemudahan Akses Pendidikan seperti menambah blok di beberapa buah sekolah ugama di seluruh negara, menaik taraf fasiliti Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Pusat Tingkatan Enam dan pembangunan 2 sekolah baharu bagi Kampung Kiulap dan Kampung Bolkiah.

Selain itu, peruntukan telah disediakan sejumlah \$2.3 juta di mana Harga Rancangannya ialah \$23.9 juta untuk membina fasiliti tambahan di kampus KUPUSB yang sedia ada di Batu Satu, Jalan Tutong dan sejumlah \$200 ribu harga rancangannya ialah dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-12 iaitu \$20 juta juga disediakan untuk pembinaan kampus kekal perempuan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Manakala di bawah Pengukuhan Perkembangan Syiar Islam, pembinaan bangunan bagi Pusat Kegiatan Ugama Islam, Sekolah Ugama Kampung Senukoh disediakan sejumlah \$295 ribu, Harga Rancangannya ialah \$1.47 juta. Dan sejumlah 12 buah masjid dalam RKN dirancang untuk dibina dengan peruntukan tahunan yang diberikan sejumlah \$9.86 juta yang Harga Rancangannya adalah sebanyak \$64.3 juta seperti berikut:

1. Masjid-masjid di Daerah Brunei Muara, Tahun Kewangan 2024/2025 diperuntukkan sebanyak \$8.3 juta

dalam RKN Ke-12 peruntukannya ialah \$40.1 juta iaitu pembinaan:

- i. Masjid baharu Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau sedang dalam persiapan yang terakhir.;
  - ii. Pembinaan masjid baharu Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang sebenarnya sudahpun siap.;
  - iii. Pembinaan masjid di Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba.;
  - iv. Pembinaan masjid baharu di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Mata-Mata Katok 'B'.;
  - v. Pembinaan masjid baharu bagi Kampung Sinarubai dan Burung Lepas.;
  - vi. Pembinaan masjid baharu di Rancangan Perumahan Negara Kampung Tanah Jambu.;
  - vii. Pembinaan masjid baharu Kampung Lugu.
2. Sementara di Kuala Belait ialah peruntukan yang diberikan untuk Tahun Kewangan 2024-2025 sebanyak \$1.4 juta, Harga Rancangan \$14 juta.
- i. Pembinaan masjid baharu Rancangan Perumahan Negara Kampung Lumut.;
  - ii. Pembinaan masjid baharu STKRJ Kampung Telisai.;
  - iii. Pembinaan masjid baharu Rancangan Perumahan Negara Kampung Panaga.
3. Sementara di Daerah Temburong ada dua rancangan pada Tahun Kewangan 2024-2025 diberikan peruntukan sebanyak \$22 ribu, RKN ke-12 sebanyak \$8 juta, \$22 ribu ini maklumlah 'kitani' ada kerja-kerja awal iaitu:
- i. Rancangan pembinaan masjid baharu di Kampung Batu Apoi dan Kampung Selapon.;
  - ii. Pembinaan masjid baharu KAmoung Selapon.
- Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin juga menyatakan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama diperuntukkan penambahan bersih sejumlah 9 jawatan seperti ringkasan berikut (jawatan bersih maksudnya setelah dikira-kira mana yang diserapkan dan mana yang diselaraskan) :
1. 36 penyerapan jawatan Gaji Hari dari Perkhidmatan Berulang-Ulang.;
  2. 2 tambahan jawatan secara *trade-off* melalui Waran Perjawatan.;
  3. 5 penyelarasan jawatan Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik (SPTA).;

4. 394 penyelarasan jawatan Skim Perkhidmatan Perguruan Ugama (SPGU).; dan
5. Peniadaan 23 jawatan *Open Vote*.;
6. Peniadaan 2 jawatan Gaji Hari Jadi bersihnya adalah sebanyak 9 jawatan tambahan yang disokong.

Seterusnya kaola ingin menyebut usaha-usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam memastikan mutu pembelajaran ugama khasnya pencapaian murid-murid di sekolah-sekolah ugama, di sekolah arab iaitu peringkat rendah dan menengah melalui usaha peningkatan Jabatan Pengajian Islam yang telah menunjukkan beberapa peningkatan bagi *Key Performance Indicators* yang telah ditetapkan untuk mencapai hasrat tersebut seperti berikut:-

1. Guru yang mencapai tahap 3 dan ke atas dalam penilaian *Brunei Teachers Standard, Teachers Performance Appraisal* meningkat ke 94.2%, (Tahun 2023) tahun sebelumnya adalah 91.7%;
2. Sekolah berada pada tahap 3 ke atas dalam penilaian *Whole School Evaluation (WSE)* meningkat ke 94.7% (Tahun 2023) tahun sebelumnya 93.3%.;
3. Penilaian Sekolah Rendah (PSR) yang mendapat Gred A - C meningkat ke 94.66% tahun 2023 dan tahun sebelumnya 91.29%.;
4. Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) yang mendapat pangkat Mumtaz meningkat ke 53.33% (Tahun 2023) dari tahun sebelumnya (Tahun 2022) 43.96%.;
5. Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) juga yang mendapat pangkat Jayyid Jiddan ke atas meningkat ke 82.1% (Tahun 2023) kepada 75.53% (Tahun 2022).;
6. Dalam pada itu, terdapat cabaran untuk ke hadapan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam untuk meningkatkan hasil penurunan dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) bagi Agregat 6 hingga 8 yang didapati menurun daripada 16.24% (Tahun 2024) kepada 10.87% (Tahun 2023).;
7. Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) 5 SPUB ke atas menurun dari segi angka agregat itu daripada 76.62% (Tahun 2022) kepada 69.5% (Tahun 2023).;
8. Pelajaran yang terlibat juga ialah peperiksaan yang diambil di sekolah-sekolah menengah arab iaitu peperiksaan mata pelajaran umum iaitu *Brunei Cambridge General Certificate of Education 'O' Level* iaitu 5 'O' level ke atas menurun dari 37.86% (Tahun 2022) kepada 33.81% (Tahun 2023).

Ini adalah cabaran untuk usaha-usaha ke hadapan bagi mengatasinya *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*

Kaola ingin menyentuh sedikit mengenai Pengintegrasian Mata Pelajaran Agama ke dalam sekolah pendidikan umum yang telah dilaksanakan pada 1 November 2023 yang lalu yang melibatkan peringkat pembelajaran Darjah Pra hingga Darjah 3 sekolah agama diselaraskan ke tahun 2 hingga tahun 5 sekolah umum. Dalam integrasi tersebut, mata-mata pelajaran agama yang termasuk di dalam pengintegrasian itu pada masa ini adalah dikenali dengan Mata Pelajaran Pendidikan Islam.

Dengan pengintegrasian ini, beberapa inisiatif telah dilaksanakan antaranya melibatkan aspek penelitian pengemaskinian kurikulum yang sedia ada disesuaikan dengan peruntukan waktu baru mata pelajaran tersebut. Dalam pada itu, pengemaskinian kurikulum ini juga akan diselaraskan dengan keperluan pembelajaran agama pada setiap peringkat bermula dari peringkat sekolah rendah (Sistem Integrasi) hingga ke peringkat sekolah agama dan peringkat menengah. Pengemaskinian tersebut turut melibatkan guru-guru dan tenaga-tenaga pakar dari institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini.

Kaola ingin menegaskan mengenai proses pembinaan kurikulum pada masa ini, mata pelajaran Pendidikan Islam menekankan aspek penerapan nilai-nilai murni, unsur-unsur kebaikan dan kebajikan yang bertujuan untuk membekalkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran mengikut keperluan dan peringkat umur murid. Perkara ini turut

disesuaikan dengan mengambil kira keperluan penghayatan hidup beragama dalam masyarakat yang bagi 'kitani' bukan sahaja ada orang Islam di sekolah-sekolah tetapi ada juga orang-orang yang bukan Islam.

Jadi, pembelajarannya itu mengambil kira aspek-aspek tersebut. Kaola yakin perkara ini akan timbul dalam soalan-soalan nanti, mungkin nanti dapat kaola *elaborate* lebih lanjut.

Tapi, satu perkara yang nampak impaknya di sekolah-sekolah agama ialah dari segi bangunan. Dalam impaknya itu, kelihatannya sekolah agama tinggal beberapa sahaja lagi bilangan penuntut dan bilangan guru. Bilangan yang berintegrasi lebih besar kalau mengikut perkiraan kasar, kira-kira 23 daripada 37 ribu murid sekolah agama diintegrasikan. Sementara selebihnya kira-kira dalam 24 ribu sahaja bakinya di sekolah agama, tentulah kelihatan bangunannya itu sedikit.

Apa yang terjadi kepada bangunan itu? Maka penyelarasan yang dilaksanakan bagi sekolah-sekolah agama ialah penempatan murid darjah 4, 5 dan 6 dengan sekolah agama khas. Bangunan sekolah agama khas dimanfaatkan sepenuhnya dan dioptimumkan penggunaannya secara menyeluruh dengan penyelarasan dan mengambil kira kapasiti bangunan dan keramaian murid.

Ini melibatkan tadahan Yang Berhormat Pengerusi. Sekolah itu ada murid darjah

4, 5 dan 6 yang memerlukan tadahan di mana ia belajar. Jadi sekolah-sekolah itu masih digunakan. Walaupun kelihatan ada banyak sekolah, tetapi ia tidak *abandoned*, tergendala dan terbengkalai.

Malah bangunan tersebut digunakan bagi pendekatan secara guna sama dengan beberapa sekolah umum dan kelas-kelas dewasa agama, kelas mengaji, persatuan warga emas dan juga kegunaan-kegunaan lain. Tapi, hal-hal seperti ini masih dalam proses untuk pembaikan dan pengemasan.

Seterusnya, secara ringkas mengenai zakat. Dengan tertubuhnya Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal yang sudah 8 bulan umurnya adalah diharap zakat termasuk dalam kutipan dan pengagihannya dilaksanakan secara teratur dan efisien. Pelaksanaan program dan inisiatif bagi memperkasakan keupayaan asnaf zakat 'diungkayahkan' secara terancang dan berkesan.

Pengurusan inisiatif mengembang majukan harta wakaf dan baitulmal yang menjadi kemaslahatan golongan-golongan sasaran bagi zakat yang diketahui ada isu-isu kelambatan dan sebagainya, diharapkan dengan penubuhan jabatan ini akan dapat mengatasi dan mencari kaedah-kaedah untuk mempercepatkan atau bagaimana untuk menyantuni keperluan-keperluan orang yang menghendaki, pemohon-pemohon yang masih tertunggak dan sebagainya.

Di samping itu, Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal juga mengambil inisiatif untuk meningkatkan kutipan. Bahagian wakaf akan teratur dengan adanya peraturan dan undang-undangnya yang sekarang ini dalam pembacaan peringkat akhir.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kalau sudah diluluskan, maka wakaf akan lebih teratur pelaksanaannya, pengaturannya dan juga akan dapat kita rasakan kesannya kepada sosioekonomi umat Islam di negara ini kerana wakaf mendatangkan sumbangan kepada fiskal. Misalnya ada wakaf untuk masjid, jadi ia mengurangkan perbelanjaan kerajaan membina masjid. Seperti sekarang ini, ada tabung dana pembinaan masjid.

Jadi, pelaksanaannya begitu berkesan untuk mengurangkan tanggungan fiskal kerajaan. Begitu juga dalam hal-hal wakaf yang lain, oleh orang yang berwakaf misalnya wakaf kereta jenazah, wakaf harta, bilik jenazah di masjid-masjid yang belum mempunyai kemudahan-kemudahan sedemikian. Kalau kereta dan bilik itu dianggarkan \$30 ke \$60 ribu, sudah dapat diijamatkan peruntukan kerajaan. Maka itulah yang sangat diharapkan.

Kaola secara seimbab lalu ingin menekankan bahawa pada masa ini sejumlah 13,428 pemohon yang telah diterima melalui Sistem Kebajikan Negara (SKN) sepanjang tahun 2022-2023.

Manakala, pengagihan dari kumpulan wang zakat bagi golongan Fakir Miskin, muafaf, *Al-Gharimin* serta Amil menunjukkan penambahan daripada \$20.9 juta pada tahun 2021 kepada \$24.2 juta bagi tahun 2022 serta \$25.3 juta bagi tahun 2023.

Jadi, hal-hal sedemikian ini sangat menarik untuk kaola *elaborate* dalam jawapan kaola, kalau ada soalan-soalan yang berbangkit di sana terutama sekali kalau ada soalan-soalan yang berhubung dengan bagaimana mengemaskan dalam mengatasi kelambatan-kelambatan dan sebagainya. Bukan sahaja untuk meningkatkan pendapatan tetapi untuk menyelesaikan isu-isu kelambatan dalam kalangan masyarakat secara umumnya.

Kaola berusaha meringkaskan Yang Berhormat Pengerusi. Terpaksa kaola 'lompat-lompatkan' Yang Berhormat Pengerusi. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ**. Satu perkara lagi yang kaola sebutkan di sini yang mungkin akan menjadi perbincangan nanti ialah berhubung dengan lepasan-lepasan pengajian tinggi dalam bidang agama termasuk tahfiz. Lepas-lepasan ini pada kenyataannya adalah termasuk daripada sebilangan besar yang belum bekerja.

Jadi ada data yang dipetik dan diberikan kepada kaola di sini, data daripada sekretariat *Manpower Planning and Employment Council*, setakat bulan Januari 2024 sebanyak 40.7%, iaitu 352 graduan daripada jumlah 864 graduan yang mempunyai kelulusan pembelajaran yang berhubung kait

Pendidikan Agama Islam aktif mencari pekerjaan di mana 344 orang (39.8%) terdiri daripada graduan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) manakala daripada Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah cuma 8 orang ertinya kerana bilangan di sana setiap keluaran tidak sampai ratusan, cuma berbelasan ataupun berpuluh saja. Maka yang 8 orang itu sudah cukup untuk memenuhi sejumlah daripada 2,588 peluang pekerjaan yang ditawarkan dalam pelbagai sektor.

Jadi kaola harap mukadimah ini cukup menyatakan kenyataan yang sebenar-benarnya dan dalam masa yang sama juga, kita menghadapi isu kekurangannya peluang pekerjaan bagi lepasan-lepasan pengajian tinggi.

Ada yang kena *mismatching* dan sebagainya. Itu merupakan isu lain. Jadi isu ini adalah isu nasional yang kita boleh selesaikan di peringkat nasional dengan beberapa alternatif yang dapat dibincangkan di dalam Dewan ini.

Terdapat *input* yang munasabah akan menjadi bahan bagi kita menangani perkara tersebut. Tetapi satu perkara yang mesti kita ingat bahawa pendidikan ini diutamakan terutama sekali dalam Wawasan Brunei 2035, iaitu untuk melahirkan "Rakyat yang Berpendidikan Tinggi, Berkemahiran dan Berjaya".

Maknanya rakyat kita ini, selama mana kerajaan mampu untuk mendukung

pembelajaran mereka, maka kita tidak akan menyekat untuk sejauh mana mereka belajar. Tinggal lagi bagaimana menjuruskan mereka kepada bidang-bidang yang sangat kita perlukan.

Hanya bidang keagamaan itu jangan difikirkan tidak perlu, keperluannya itu kerana kita melihat ia hanya untuk berkhidmat di bidang Kementerian Hal Ehwal Ugama, tapi sebenarnya kalau kita melihat kelulusan mereka itu boleh dalam syarat-syarat perjawatan pun boleh mereka dapat masuk ke dalam perkhidmatan awam biasa dan ini sudah terbukti daripada lepasan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah masuk ke dalam *mainstream* perkhidmatan sebagai pegawai *BAS* misalnya.

Ada yang sudah berjawatan *District Officer* dan sebagainya atau dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Jadi hal-hal yang sebegini adalah mengalakkan, yang penting kita melihat dan huraikan isu ini secara rasional di peringkat yang lebih bertanggungjawab nanti untuk dinaikkan ke atas. Itu saja yang dapat kaola bentangkan Yang Berhormat Pengurus dengan masa yang terbatas.

Kaola cuma ingin menutup pembentangan ini dengan firman *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* ayat 41 surah Al-Haj;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
 الَّذِينَ إِن مَكَانَهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ  
 وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ  
 الْأُمُورِ

Ertinya: "Mereka orang-orang Islam itu apabila kami berikan mereka kesempatan untuk menduduki sebahagian daripada bumi, ertinya menjadikan mereka bernegeri, bernegara dengan ada sistem aturan-aturannya, maka mereka akan melaksanakan tugas ugama (yang pertama), mendirikan sembahyang, membayar zakat, melaksanakan 'Amar Ma'ruf, mencegah kemungkaran dan semua itu adalah demi *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*, mencapai tujuan-tujuan *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*, menjadikan manusia di bumi ini."

Kaola ingin menegaskan di sini, perkataan-perkataan yang disebut di sini jangan difahami sebagai sempit. Perkataan sembahyang untuk semua, tidak hanya terhad kepada orang di Kementerian Hal Ehwal Ugama, tetapi kita semua *لِلْحَمْدُ لِلَّهِ* telah dilaksanakan sedemikian tetapi mengenai *وَأَتَوُا الزَّكَاةَ* dan memanglah diperuntukkan dan diwajibkan kepada orang-orang yang mampu saja.

Jadi bagaimana mampu itu, Yang Berhormat Pengurus. Tentulah bukan ertinya semata-mata disebut zakat tetapi ertinya mesti ada usaha-usaha untuk meningkatkan ekonomi. Jadi orang-orang yang mampu itu adalah orang-orang yang berjaya dalam bidang-bidang tersebut. Jadi maknanya di sini, negara itu selain daripada menjalankan ugama seperti sembahyang sebagai tiang ugama, mestilah mengusahakan hal-hal dalam bidang ekonomi disebut zakat.

Kalau dalam konteks masa kini ada lagi bermacam-macam cukai. Jadi pembayar cukai sama juga seperti pembayar-pembayar zakat, iaitu orang yang mampu dan hasil daripada perkembangan ekonomi-ekonomi maka negara yang ditakdirkan **اللَّهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى** sedemikian itu, **اللَّهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى** Negara Brunei Darussalam boleh dikatakan adalah sebahagian daripada negara tersebut.

Begitu juga dengan amar ma'aruf nahi mungkar, iaitu melakukan kebaikan dan bukan saja penguatkuasa ugama yang akan bertindak dan dari segi undang-undang bukan saja syariah tetapi kita sudah menetapkan undang-undang umum juga diterima sebagai takzir. Jadi pelaksanaannya itu adalah pelaksanaan kenegaraan, bukan pelaksanaan sektoral, melihat kepada kementerian-kementerian Yang Berhormat Pengurus.

Maka itu yang kaola harapkan, mudah-mudahan apa yang diperkenankan oleh **اللَّهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى**, kita mempunyai Negara Brunei Darussalam dengan sistem kita yang ada. Tambahan, rezeki dari **اللَّهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى** yang dilimpahkan kepada kita sepanjang mana yang kita ketahui dan dipergunakan sebaik-baiknya tidak disalahgunakan dan tidak disiasikan, maka hasilnya sebagai mana janji **اللَّهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى**, sekiranya menggunakannya dengan sebaik-baiknya, tidak menyalahgunakannya, meng*abandon*nya, mensia-siakannya maka **اللَّهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى** akan melipat gandakan nilainya.

Kalau kamu sebaliknya mensia-siakannya, menyalahgunakannya dan sebagainya maka terimalah janji **اللَّهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى** sebagai akibat daripadanya maka kaola dengan itu **اللَّهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى** kita yang sudah dibangunkan sebagai Negara Brunei Darussalam dengan kemodenannya yang seimbang **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dengan niat sedemikian itu akan mendapat keberkatan-Nya di bawah raja yang mempunyai wawasan, adil dan bijaksana.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Pengurus:** **اللَّهُ سُبحَانَهُ وَتَعَالَى** terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas penerangan yang begitu komprehensif dan terperinci berkenaan dengan hala tuju dan juga keutamaan dalam penyediaan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya rasa ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, saya kira cukup sekian kita bersidang pada pagi ini.

Saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan menyambung persidangan lagi pada petang nanti mulai 2.30 petang seperti lazimnya.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**